

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN	
TARIKH	:	18/12/2019	MUKA SURAT : 8
JABATAN	:	JPSM	
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN	

Kerakusian manusia punca krisis bencana alam

Sultan Nazrin mahu semua pihak jaga, pulihara hutan

Oleh Nor-Afzan Mohamad Yusof
afzan@bh.com.my

Kuala Lumpur: Gangguan ke-terlalu manusia terhadap sifat semula jadi alam dan kerakusian menggunakan sumber itu untuk kepentingan perniagaan, antara punca peningkatan krisis bencana alam.

Sultan Perak Sultan Nazrin Shah, bertitah peranan hutan yang antara lain bertindak sebagai kawalan perubahan iklim dan pemanasan global, bagaikan tidak lagi disedari kewujudannya, atas matlamat perniagaan.

Titah baginda, khazanah yang dilihat semata-mata sebagai sumber menghasilkan kayu untuk dijual bagi memperoleh kekayaan, menyebabkan aktiviti pembalakan termasuk pembalakan haram, semakin berleluasa ekoran dorongan nafsu haloba. "Tanpa pokok dan hutan, hi-

lang segala manfaat rimbana raya, berkurang spesies tumbuhan dan haiwan, rosak habitat semulajadi, terputus sistem rantaian makanan serta mengancam kehidupan manusia.

"Begitu pentingnya peranan pokok, malah menanam pokok dimanifestasikan dalam hadis Rasulullah - Jika terjadi hari kiamat, sementara di tangan salah seorang daripada kamu ada sebijih benih tanaman, maka jika dia mampu sebelum terjadi hari kiamat untuk menanamnya, maka tanamlah," titah baginda.

Sultan Nazrin bertitah demikian pada majlis pelancaran buku *40 Hadis Pelastarian Alam Sekitar* di sini, semalam.

Buku terbitan Institut Terjemahan dan Buku Malaysia itu hasil tulisan tokoh akademik, Prof Datuk Seri Dr Ir Zaini Ujang dan Prof Datuk Dr Zulkifli Mohd Yusoff dari Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

Baginda turut menyentuh mengenai isu pencemaran sungai di negara ini, yang mengikut data dikeluarkan Jabatan Alam Sekitar (JAS), Malaysia kehilangan 102 sungai dalam tempoh 10 tahun, menjadikan kini hanya 477 sungai yang masih ada.



Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah berikhteram menyempurnakan pelancaran buku *40 Hadis Pelastarian Alam Sekitar* di Kuala Lumpur, semalam. Yang turut kelihatan, Zulkifli (kiri), Pro Canselor UTM, Tan Sri Dr Salleh Mohd Nor (dua dari kiri), Pro Canselor UTM, Tan Sri Siti Sa'diah Sheikh Bakir, Naib Canselor UTM, Prof Datuk Ir Dr Wahid Omar (dua dari kanan) dan Zaini (kanan). (Foto BERNAMA)

Daripada jumlah itu, hanya 219 sungai dalam kategori bersih, 207 sungai kategori separa cemar dan 51 sungai lagi dalam kategori tercemar.

"Pencemaran sungai ini turut beta saksikan sendiri sewaktu menyusuri Sungai Perak dari Pasir Salak hingga ke Teluk Intan sewaktu Istimadat Pertabalan Sultan Perak ke-35 pada 2015. Mungkin bertujuan untuk men-

gatasi jenu pertalanan, anakanda beta, Raja Azlan Muzaaffar Shah, yang ketika itu berusia tujuh tahun memilih untuk menghitung botol plastik teranyusuri perjalanan sepanjang 65 kilometer, itu, hitungan anakanda menunjukkan 700 botol plastik, terapung-apung di permukaan Sungai Perak," titah baginda.

Sultan Nazrin berharap semua pihak tidak mengharapkan kepada kerajaan semata-mata dalam menjaga dan memulihara alam sekitar, kerana adalah tuntutan syarak dan fardu kifayah. "Beta amat mengharagai usaha dua tokoh akademik ini menyuntik dimensi agama, untuk menyedarkan umat Islam supaya lebih prihatin dan proaktif terhadap pelastarian alam sekitar menerusi penerbitan buku ini.

"Surau, madrasah, pusat tahfiz, sekolah dan pelbagai institusi pendidikan sewajibnya berada di barisan hadapan, menjuarai usaha untuk menyedarkan ummah mengenai alam sekitar dan menggerakkan ummah untuk memulihara alam sekitar secara konsisten," titah baginda.

Pada titah berkenaan, Sultan Nazrin turut memuji usaha anakanda, Ahmad Iszuddin Ahmad Izhah, 13, penerima anugerah Yayasan Tuanaku Bahun atas usaha melindungi peryu dengan cara tersendiri termasuk menga-

rang buku resipi, *In The Kitchen With Iszuddin* dan menghasilkan 15,000 keping kuih dengan hasilnya disumbangkan untuk tujuan itu.

"Dunia sedang berada dalam era yang berhadapan dengan cabaran iklim yang sangat kritikal. Setiap tan karbon yang dikeluarkan, membawa dunia lebih dekat kepada titik penentuan bahaya kehidupan.

"Setiap mint yang tertangguh untuk menangani isu alam sekitar, krisis iklim bertambah mendalam, mengancam kehidupan, kesihatan dan masa hadapan anak, malah berkemungkinan berlaku pada era hidup kita. "Justeru, usaha dhrintis dua tokoh akademik dan anakanda seperti Ahmad Iszuddin ini, perlu dijadikan inspirasi oleh anggota masyarakat dalam menghadapi cabaran menangani masalah pemuliharaan alam sekitar," titah baginda.